

LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 11 FEBRUARI 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KNAL PERUSAHAAN BERIMPAK TINGGI, NASIONAL, SH -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	JANGAN TANGKAP IKAN TEMALIAN, SINAR NEGERI PAHANG, SH -30	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	LARANGAN TANGKAP IKAN TAMALIAN HINGGA APRIL DEPAN, LOKAL, HM -12	
4.	WOMAN 'BOSS' AMONG 4 HELD OVER FISH BOMBING, NEWS/NEWS IN BRIEF, NST -12	
5.	RAMPAS 'CIK TI' KERING, LOKAL, HM -8	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6.	MAQIS RAMPAS DAGING TIKUS DI LAPANGAN TERBANG, NASIONAL, BH -19	
7.	CUBA BAWA MASUK DAGING TIKUS KERING, SINAR NEGERI P. PINANG, PERLIS, SH -33	
8.	MAQIS FOILS BID TO SNEAK IN RAT MEAT, NATION, THW STAR -3	
9.	IMPORT RM50 JUTA MUSANG KING KE CHINA, BISNES, HM -22	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10.	KAEDAH TABUR TERUS KERING ALTERNATIF PENANAMAN PADI, SINAR NEGERI KEDAH, SH -31	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11.	MADA TO CARRY OUT DRY DIRECT SEEDING FOR PADI PLANTING IN KEDAH, NATION/NEWS, NST -9	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

KNAL perusahaan berimpak tinggi

Bantu lahirkan lebih ramai usahawan muda dalam bidang tanaman nanas

MERSING

Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) Tanah Abang, Mersing yang dirasmikan pada Sabtu lalu diharap dapat membantu melahirkan lebih ramai usahawan muda dalam bidang tanaman nanas pada masa akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, lebih ramai usahawan muda dalam kalangan masyarakat B40 perlu melibatkan diri kerana bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pendapatan golongan itu menerusi dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

“Kita melakar mercu tanda di mana kita memperkenan bagaimana penanaman nanas Premium MD2 akan dapat dijadikan sebagai perusahaan

Mersing Asman Shah Abdul Rahman. Salahuddin berkata, projek KNAL membabitkan seramai 12 peserta itu dilaksanakan oleh LPNM secara usaha sama dengan pihak Johor Corporation (JCorp), Kulim Malaysia Berhad, Agrobank dan Unit Agropreneur Muda MOA.

Beliau berkata, projek itu dijalankan di tanah berkeluasan keseluruhan 121.5 hektar di mana 48.5 hektar dibangunkan untuk projek KNAL yang melibatkan peserta projek.

“Kesemua peserta yang dipilih diperuntukan keluasan maksimum 10 ekar (4 hektar) seorang secara berfasa dan dibekalkan bantuan benih nanas MD2 sebanyak 200,000 pokok.

“Peserta juga diberi bantuan geran daripada Unit Agropreneur Muda MOA sebanyak RM20,000 seorang yang meliputi pembekalan input pertanian dan peralatan.

“Agrobank selaku Pihak Pengurusan Malaysia (LPNM), Datuk Abdul Malik Abul Kasim; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Pegawai Daerah



Salahuddin (berdiri lima dari kanan) bersama penerima peruntukan dan pembiayaan program penanaman nanas pada majlis perasmian projek KNAL pada Sabtu lalu.

merasmikan projek KNAL di sini pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengurus Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Abdul Malik Abul Kasim; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Pegawai Daerah

yang berimpak tinggi untuk memberi pendapatan kepada mereka yang terlibat khususnya golongan muda.

“Program juga didapati telah memenuhi tuju kementerian (MOA) untuk menggalakkan sektor swasta terlibat sama secara efisien untuk melaksanakan program berimpak tinggi,” katanya.

- *Bermama*

Jangan tangkap ikan temalian

Larangan sehingga April depan berikut musim ikan itu bertelur

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

FOTO: MASRAN MOHAMAT

Ikan temalian

- Temalian atau *probarbus jullieni* sejenis ikan kap dan mempunyai jalur hitam di badaninya
- Mampu membesar sehingga 70 kilogram (kg) hamun saiz melebihi 20kg sangat sukar ditemui
- Merupakan ikan asal yang mendiami Sungai Pahang dan Sungai Perak
- Pewartaan kawasan larangan menangkap ikan (zon merah) di Jeram Panjang, Sungai Tembeling, Pahang bertujuan melindungi spesies ini daripada pupus

Sumber: Majalah Umpan



Penduduk terutama golongan nelayan dilarang menjalankan aktiviti penangkapan ikan temalian di sepanjang Sungai Pahang, Sungai Tembeling dan Sungai Jelai bermula bulan ini sehingga April depan.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman berkata, larangan tersebut diambil berikutan musim ikan temalian bertelur di beberapa kawasan di sepanjang sungai negeri itu serta mengelakkan spesies ikan tersebut pupus.

“Ikan ini amat berharga sebab itu larangan dibuat. Kita sebenarnya mahu spesies ikan ini terus ada di Sungai Pahang. Kalau tidak dikawal ikan temalian tidak dapat membiak dan spesies bakal berkurangan.

“Jadi kita minta semua pihak supaya mematuhi arahan dikeluarkan dalam tempoh tiga bulan ini,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Kelmarin tular di laman sosial Facebook mengenai larangan penangkapan ikan temalian di Sungai Pahang kerana musim spesies ikan sungai itu bertelur.

Azahari berkata, pihaknya telah memasang lebih 40 papan tanda di sepanjang Sungai Pahang, Sungai Tembeling dan Sungai Jelai sebagai



AZAHARI

memberi peringatan kepada semua pihak berhubung larangan tersebut.

Dalam pada itu, Azahari berkata, pihaknya akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak atau individu yang melakukan aktiviti menangkap dan memiliki ikan temalian.

Katanya, tindakan itu akan dibuat mengikut peraturan Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) 1991 Pahang.

“Individu yang didapati tidak mematuhi larangan boleh dikenakan kompaun RM100 sehingga RM5,000 dan peralatan menangkap ikan mereka dirampas,” katanya.

Ditanya bagaimana ikan temalian bertelur, Azahari berkata, ikan itu akan ke kawasan lubuk dan air cetek untuk bertelur secara berpasangan.

Menurutnya, sewaktu ikan temalian melepaskan telur, ia berada di permukaan air bagi memudahkan sesiapa sahaja menangkapnya dengan hanya menggunakan jaring hanyut.

“Ikan temalian ini sama macam ikan salmon yang akan naik ke darat sewaktu bertelur.

“Situasi ini menyebabkan induk ikan temalian mudah untuk ditangkap dan atas sebab itu kita kena kawal aktiviti tangkapan ikan ini pada tempoh yang ditetapkan pada setiap tahun,” katanya.

Larangan tangkap ikan tamalian hingga April depan

Kuantan: Jabatan Perikanan Pahang mengeluarkan arahan tidak membenarkan aktiviti menangkap ikan tamalian pada bulan ini di sungai utama di Kuantan, Pahang bermula bulan ini hingga April depan.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman berkata, larangan berkenaan berikut musim ikan berkenaan bertelur dan akan berada kawasan air cetek secara berpasang-an.

Menurutnya, ikan itu yang boleh mencapai berat 25 hingga 40 kilogram (kg) kini semakin berkurangan dan tidak mustahil menghadapi risiko kepupusan jika tangkapannya tidak dikawal terutama pada musim bertelur.

Larangan berikut musim ikan berkenaan bertelur dan berada di kawasan air cetek

ikan sungai yang hanya terdapat di Pahang dan Perak, permintaan terhadap ikan berkenaan tinggi; walaupun harganya mahal.

"Sifat ikan tamalian atau temolek akan ke kawasan lubuk dan air cetek untuk bertelur secara berpasangan memudahkan nelayan darat menangkapnya hanya menggunakan jaring haruyut."

"Jabatan memasang papan tanda di sepanjang Sungai Pahang, Sungai Tembeling dan Sungai Jelai sebagai peringatan kepada pihak berkuasa supaya tidak melakukan aktiviti menangkap ikan tamalian selama tiga bulan.

"Kegiatan menangkap ikan tamalian yang banyak terdapat di tiga

sungai berkenaan akan berleluasa setiap kali tiba musim bertelur. permintaan menggalakkan dengan harga mencapai RM50 sekilogram merancakkan lagi aktiviti memburu ikan berkenaan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, mengikut peraturan Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) 1991, Pahang, individu yang menangkap ikan tamalian dalam tempoh larangan boleh dikompaun hingga RM5,000 dan peralatan menangkap ikan dirampas.

"Sebelum ini kita pernah mgesesan nelayan darat di beberapa kampung tradisional seperti Kampung Pagi dan Kampung Durian Hijau, Jerantut, Kampung Paloh Hinai, Pekan, Lubuk Paku dan Kampung Pejing Maran yang aktif melakukan aktiviti menangkap ikan tamalian," katanya.



LARANGAN menangkap ikan tamalian berkuat kuasa hingga April depan.

Woman 'boss' among 4 held over fish bombing

AVILA GERALDINE
SEMPORNA
news@nst.com.my

"Ammonia is one of the ingredients to make explosives. We also arrested a 48-year-old man," he said, adding that the woman was a local.

In a separate operation at 4.30pm on the same day, marine police officers detained two Palauh (sea gypsy) men aged 22 and 27 at Kampung Sum-Sum waters off here. They were aboard a wooden boat, loaded with 200kg of fish suspected to have been caught using detonators.

The woman was arrested when police raided a house on Pulau Omandal at 3.30pm based on intelligence gathering by the marine police unit, exposing the woman, who is also the houseowner, as "the boss" of the fish bombing activities.

Sabah marine police chief Assistant Commissioner Mohamad Pajeri Ali yesterday said the team discovered a barrel of about 20kg of fish, believed to have been caught using explosives, and 16kg of ammonia fertiliser at the house.

A WOMAN "towkay", 47, was among four people arrested by the marine police in an operation against fish bombing here on Sunday.

The woman was arrested when police raided a house on Pulau Omandal at 3.30pm based on intelligence gathering by the marine police unit, exposing the woman, who is also the houseowner, as "the boss" of the fish bombing activities.

Pajeri said the seizure made in the second case was estimated to be worth RM10,150. "The two men and the seized goods were taken to the Semporna marine police base and the case will be investigated under Section 26 (1)(c) of the Fisheries Act 1985 for fishing using explosives."

The act provides a maximum fine of RM20,000 and maximum imprisonment of two years if convicted.

Rampas ‘cik ti’ kering

Oleh Zuhainy Zulkifli
am@hmetro.com.my

Bayan Lepas

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas daging tikus yang dibawa masuk seorang penumpang di laluan ketibaan antarabangsa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di sini, kelmarin.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, pemeriksaan mendapati ia dibawa penumpang yang berasal dari Myanmar.

“Penumpang berusia 30-an itu didapati membawa masuk daging tikus kering seberat 780 gram tanpa dokumen permit import dan sijil kesihatan dari negara pengekspor.

“Tujuan sijil kesihatan veterinar ini adalah bagi memastikan barang atau daging berkenaan bebas penyakit dan virus,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Zarina berkata, Maqis turut merampas konsainan mangga harumanis yang dibawa masuk penumpang Thailand tanpa dokumen sah seperti permit import dan sijil fitosanitasi.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati penumpang berkenaan membawa mangga harumanis seberat 59.8 kilogram (kg) dianggar-kan bernilai RM2,565.68.

“Tujuan larangan peng-

Warga Myanmar bawa masuk 780 gram daging tikus tanpa permit import ditahan

ANGGOTA penguatan kuasa Maqis menunjukkan daging tikus kering yang dirampas di LTAPP.



importan ini bagi menghalang risiko kemasukan se-rangga perosak ke Malaysia seperti kumbang pengorek, sekali gus merosakkan in-dustri mangga negara.

“Selain daripada larangan pengimportan, kemasukan

bah oleh penumpang me-lalui udara juga adalah di-larang,” katanya.

Menurut, perbuatan mengimpor keluaran pertanian tanpa permit sah da-ri pada Maqis menjadi ke-salahan mengikut Seksyen

11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dihukum penjara tidak melebihi enam tahun atau ke-dua-duanya sekali.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

MAQIS rampas daging tikus di lapangan terbang

Bayan Lepas: Penumpang dari Myanmar cuba membawa masuk

daging tikus kering menerusi laluan keribaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Jabatan Perkhidmatan Kuaran tin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia merampas daging berkenaan dalam kejadian kelmarin.

Pengarah MAQIS Pulau Pinang, Zarina Ramli, berkata penumpang dari Myanmar itu tidak mempunyai dokumen untuk

membawa masuk bahan berkenaan. "Penumpang yang berusaha sekitar 30-an itu didapati membawa masuk daging tikus kering sebanyak 780 gram, tanpa dokumen Permit Import dan sijil kesihatan dari negara pengekspor.

"Tujuan sijil kesihatan veterinar ini bagi memastikan barang atau daging berkenaan bebas penyakit dan virus," katanya dalam kemaraan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Zarina berkata, MAQIS turut merampas buah mangga harumanis yang dibawa

masuk penumpang dari Thailand tanpa sebarang dokumen yang sah seperti Import Permit dan Sijil Fitosanitasi.

Katanya, pemeriksaan mendapat penumpang berkenaan membawa mangga harumanis seberat 59.8 kilogram (kg) yang dianggar-kan berjumlah RM2,565.68.

"Tujuan larangan pengimpor tan ini bagi menghalang risiko kemastikan serangga perosak ke Malaysia, seperti kumbang pengorek sekaligus merosakkan industri mangga negara.

"Selain daripada larangan pe-

nimportan, kemasukan buah mangga oleh penumpang dilaluan udara juga dilarang," katanya lagi.

Perbuatan mengimport keluar-pertanian tanpa permit yang sah daripada MAQIS menjadi kesalan di bawah Seksyen 11 (1), Akta Perkhidmatan Kuaran tin dan Pemeriksaan Malaysia 2011, yang jika sabit kesalan boleh diendam di bawah Seksyen 11(3), tidak melebihi RM100,000 atau tiuk melebihi enam tahun penjaya atau kedua-duanya sekali.



Zarina Ramli

Cuba bawa masuk daging tikus kering

Maqis tahan lelaki Myanmar di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

BAYANLEPAS



Pegawai penguat kuasa Maqis menunjukkan daging tikus kering yang dilarap di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas kelmarin.

Cubaan seorang lelaki warga Myanmar membawa masuk daging tikus kering ke negara ini melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini gagal selepas dia ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang malam kelmarin.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, pemeriksaan dilakukan dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia berjaya menahan lelaki berusia lingkungan 30-an di laluan ketibaan antarabangsa kira-kira jam 8 malam.

Menurutnya, hasil pemeriksaan di dalam bagasi yang dibawa lelaki itu menemui daging tikus kering seberat 780 gram tanpa sebarang dokumen permit import dan sijil kesihatan dari negara pengeksport.

“Tujuan sijil kesihatan veterinar ini adalah untuk memastikan barang daging tersebut bebas penyakit dan virus,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, dalam kes bersinggan, Zarina berkata, pihaknya turut merampas buah mangga harumanis yang dibawa masuk oleh penumpang dari negara Thailand tanpa sebarang dokumen yang sah seperti import permit dan sijil fitosanitasi.

Katanya, pemeriksaan yang dilakukan jam 8 malam kelmarin

mendapati penumpang tersebut membawa mangga harumanis seberat 59.8 kilogram yang dianggarkan bernilai RM2,565.68.

“Tujuan larangan pengimporan ini bagi menghalang risiko kemasukan serangga perosak seperti kumbang pengorek buah mangga ke Malaysia dan merosakkan industri mangga negara.

“Selain daripada larangan pengimporan, kemasukan buah mangga oleh penumpang di laluan udara juga adalah dilarang,” katanya.

Beliau berkata, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit sah daripada Maqis menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11 (1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Jika sabit kesalahan boleh denda di bawah Seksyen 11(3) iaitu denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Zarina berkata, Maqis sentiasa mengambil langkah lebih serius bersama agensi penguatkuasaan di sempadan dalam isu melibatkan kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara.

Tambahnya, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.

Maqis foils bid to sneak in rat meat

Myanmar man caught after arriving from Bangkok

By LIEW JIA XIA
jiaxian@thestar.com.my

GEORGE TOWN: An attempt by a Myanmar man to sneak dried rat meat into the country was foiled by the authorities at the Penang International Airport.

Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) director Zarina Ramli said they seized 780g of dried rat meat from the 30-year-old passenger, who had flown in from Bangkok, during a routine check at 8pm on Sunday.

"The man brought in dried rat meat without an import permit and a health certificate from the exporting country.

"The purpose of this veterinary health certificate is to make sure that the meat is free of diseases and viruses," she said yesterday.

On the same day, Maqis also confiscated 59.8kg of Thai harum manis brought in by a Thai passenger without any valid documents.

"We confiscated the mangoes estimated to be worth RM2,565.68. The purpose of this import ban is to prevent the risk of the entry of pests such as mango beetles into Malaysia which could ruin the country's mango industry.

"In addition to the import restrictions, the entry of mangoes through the airways is also prohibited," she added.

The case is being investigated under Section 11(1) of the Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728) and punishable under Section 11(3) of the same Act.

"If convicted, they face a fine of not more than RM100,000 or a jail term of up to six years, or both," she said.



Tasty for some:
A Maqis officer showing the confiscated 780g dried rat meat at the Penang International Airport.

Import RM50 juta Musang King ke China

Kuala Lumpur: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyasarkan nilai eksport durian Musang King ke China pada tahun ini sebanyak RM50 juta walaupun wujud keimbangan ia akan terjejas berikutan penularan wabak koronavirus di negara itu.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, nilai eksport durian itu pada tahun lalu sebanyak RM30 juta dan berharap koronavirus di negara itu akan berakhir tidak lama lagi.


Katanya, sasaran itu dibuat berdasarkan tempoh durian Musang King berbuah pada Julai, Ogos dan September.

"Kita popular dengan durian Musang King yang dieksport ke sana. (Pada masa ini) berlaku koronavirus, dan ia bukan pada musim Musang King (berbuah). Oleh itu, ia tidak memberi kesan (kepada eks-

port ke China).

"Saya yakin dan percaya peningkatan permintaan terhadap Musang King adalah luar biasa dan harga di sana juga amat menarik jika dibandingkan di sini antara RM40 dan RM90 sekilogram. Di sana, ia boleh dijual antara RM200 dan RM400 sekilogram," katanya kepada pemberita selepas melancarkan My Best Buy (MBB) FAMA @ Le Tour De Langkawi (LTdL) di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, katanya jumlah pengunjung ke MBB adalah menggalakkan dan percaya rakyat di negara ini telah mengambil langkah proaktif untuk menghadapi koronavirus selain peniaga turut mengutamakan kebersihan dalam penyediaan makanan dan jualan.- Bernama



Kaedah tabur terus kering alternatif penanaman padi

ALOR SETAR - Lembaga Kembangan Pertanian Muda (MADA) ber-setuju melaksanakan kaedah tabur terus kering sebagai alternatif penanaman padi bagi musim 1/2020 kerana negeri itu mengalami kekurangan bekalan air.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, kaedah yang dipersetujui Mesyuarat Lembaga Pengarah MADA itu disebabkan paras takungan air di Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Ahning rendah dan tidak mencukupi untuk dibekalkan bagi kaedah penanaman biasa.

Beliau yang juga Pengerusi Mada berkata, secara lazimnya,

pengairan tanaman padi bagi musim pertama setiap tahun bergantung kepada bekalan daripada empangan disebabkan kekurangan turunan hujan bagi separuh tahun pertama.

"MADA memerlukan sekurang-kurangnya 550,000 ekar kaki takungan seperti yang diamalkan sebelum ini.

"Bagaimanapun, MADA juga mempunyai obligasi bagi menjamin bekalan air mentah untuk tujuan bekalan air domestik. Apabila paras

FMADA memerlukan sekurang-kurangnya 550,000 ekar kaki takungan seperti yang diamalkan sebelum ini."

- Mukhriz

takungan Empangan Pedu mencecah 27 peratus, pelepasan air untuk penanaman padi akan dihentikan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, sehingga semalam, paras takungan air di Empangan Pedu adalah sebanyak 325,300 ekar kaki (37.18 peratus), Empangan Muda sebanyak 7,350 ekar kaki (5.88 peratus) dan Empangan Ahning sebanyak 126,809 ekar kaki (56.86 peratus) yang memberikan jumlah keseluruhan takungan adalah 459,459 ekar kaki (37.57 peratus).

"Penetapan jadual bekalan air dan penanaman padi musim 1/2020 akan dibincangkan secara bersama antara pihak MADA dan pihak peladang dalam mesyuarat pada 20 Februari depan. Semua faktor termasuk analisis data sejarah, ramalan turunan hujan, kesediaan bekalan benih padi sah dan baja subsidi akan turut diambil kira," katanya.



MUKHRIZ

Mada to carry out dry direct seeding for padi planting in Kedah

ALOR STAR: The Muda Agricultural Development Authority (Mada) yesterday agreed to implement dry direct seeding as an alternative method for planting padi for the 1/2020 season due to water shortage in the state. Mada chairman Datuk Seri Mukhriz Mahathir said the method was adopted at the Mada Board Meeting because the water levels at the Pedu Dam, Muda Dam and Ahning Dam were low

and insufficient for normal planting methods.

"Normally, the irrigation of padi crops for each season depends on the water supply at the dam. However, we don't have enough rainfall for the first half of the year and Mada needs at least 67841.5ha m of stored water in the catchment area.

"Mada also has an obligation to

secure the supply of raw water for domestic purposes. When the water level at the Pedu Dam reaches 29 per cent, the water release for planting padi (agricultural sector only) will be stopped," he said here yesterday. Mukhriz, who is Kedah menteri besar, said the water level in Pedu

Dam was at 37.18 per cent, Muda

Dam (5.88 per cent) and Ahning

Dam was 56.86 per cent.

"Determining the water supply

schedule and padi planting

season 1/2020 will be discussed

between Mada and farmers at a meeting on Feb 20.

"All factors, including historical data analysis, rainfall forecast, supply of padi seeds and subsidised fertiliser, will be taken into account."

"The Mada Development Team will also initiate the strategic development campaign to explain the implementation of the dry direct seeding method to farmers," he said. **Bernama**



Datuk Seri Mukhriz Mahathir